



**KENYATAAN MEDIA**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**  
**PERKEMBANGAN SEMASA COVID-19 NEGERI PAHANG**

1. Pada masa sekarang, terdapat 132 orang pesakit COVID-19 dari Kluster Genting dan 10 orang pesakit COVID-19 dari kluster Kuala ditempatkan di Pusat Rawatan dan Kuarantin COVID-19 (PKRC) SUKPA, Kuantan, Pahang.
2. Sepanjang 5 hari pengoperasian PKRC, tiada insiden cubaan melarikan diri atau sebagainya seperti yang dikhuatiri oleh orang ramai sebelum ini. Keadaan terkawal dan keselamatan peringkat tertinggi dilaksanakan di PKRC. Antaranya ialah kawalan keselamatan 24 jam oleh PDRM dan Pasukan Sahabat dan penggunaan CCTV dalam dewan untuk memantau situasi di sana.
3. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak bimbang berkenaan keselamatan dan sehingga kini tiada sebarang penularan dalam komuniti yang berpunca daripada Kluster Genting ini.
4. Berdasarkan perkembangan terkini, bagi daerah Kuantan, terdapat 4 kluster yang aktif iaitu Kluster Atabara dan Kluster Inten (di sekitar kawasan Indera Mahkota), Kluster Kuala (di sekitar kawasan pusat bandar) dan Kluster Kristal (di sekitar Sg. Karang Darat) dan keempat-empat kluster ini tiada kaitan dgn kluster Genting, malah telah berkembang sebelum pembukaan SUKPA sebagai PKRC.
5. Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan telah mengenalpasti seramai 763 orang kontak rapat melibatkan 258 buah rumah/premis daripada keempat-empat kluster dan bilangan ini dijangkakan akan meningkat.
6. Kluster Kuala berpunca daripada pekerja restoran yang mempunyai beberapa cawangan di Daerah Kuantan. Modus pengendalian restoran ini adalah secara dapur berpusat dan makanan akan diedarkan ke cawangan-cawangan.
7. Berdasarkan analisa yang dibuat, kluster ini berisiko tinggi untuk penularan dalam komuniti.

8. Bagi Kluster Atabara, Kluster Kuala, Kluster Inten dan Kluster Kristal masih terdapat kes-kes positif yang dikesan daripada kluster ini. Ini menunjukkan penularan daripada kluster ini masih aktif dalam komuniti.
9. Semua pihak diminta menjaga diri dan keluarga sendiri supaya tidak menjadikan kluster-kluster ini berkembang. Sekiranya keadaan bertahan atau tiada perebakan yang luar biasa, kerajaan tidak berhasrat untuk mengetatkan lagi kawalan di Daerah Kuantan. Oleh itu setiap kita diminta menghadkan pergerakan ke luar rumah kepada urusan-urusan yang perlu sahaja dan mengelakkan menghadiri majlis-majlis keramaian. Jabatan-jabatan kerajaan juga dinasihati mengurangkan aktiviti yang melibatkan orang ramai.
10. Selain itu, diharapkan orang ramai tidak menyebarkan berita palsu dan merujuk kepada saluran rasmi untuk maklumat yang tepat. Sementara itu, sentiasa patuhi SOP yang ditetapkan dengan mengamalkan:
  - a. Kerap mencuci tangan
  - b. Penjarakan fizikal 1 meter
  - c. Memakai pelitup muka terutama semasa berada di tempat awam
  - d. Elakkan kawasan yang sesak, elakkan kawasan yang sempit dan elakkan bertutur atau bersembang dengan jarak yang dekat.

Sekian, terima kasih.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**  
**15 Disember 2020**